

UPM dan BIG jalin MoU bersama

SERDANG, 19 Jan - Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama British International Group (BIG) baru-baru ini bagi mengeratkan kerjasama antarabangsa bersama institusi di negara Kuwait dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, penyelidikan, dan Program Secara Luar Pesisir.



MoU ini ditandatangani oleh Naib Canselor UPM, Dato' Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah dan Dekan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE), Prof. Dr. Bany Ariffin Amin Noordin serta Ketua Kumpulan BIG, Ghayed Mohammed Al-Khadi, dan Pengarah Urusan BIG, Mohamed Ismail Said Ahmed Esmail Sakar.

Melalui MoU ini, kedua-dua pihak turut menggariskan hasrat untuk memperluas dan memperkaya pengalaman melalui pertukaran staf akademik dan pelajar. -UPM